



**JABATAN HAL EHWAL VETERAN
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**PERMOHONAN DAN KELAYAKAN IMPLANT PERGIGIAN BAGI
VETERAN ATM**

**ARAHAN KETUA PENGARAH JHEV BILANGAN 1 TAHUN 2025
(AKP 1/2025)**

KANDUNGAN

(AKP 1/2025) PERMOHONAN DAN KELAYAKAN IMPLANT PERGIGIAN BAGI VETERAN ATM

BIL.	PERKARA	M/S
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Ketetapan Dental Implan	1-2
4.	Tanggungjawab Jhev ATM Cawangan Negeri / Bahagian / Unit	2
5.	Penutup	3
6.	Tarikh Kuat Kuasa	3

**ARAHAN KETUA PENGARAH JHEV ATM
BILANGAN 1 TAHUN 2025 (AKP 1/2025)**

PERMOHONAN DAN KELAYAKAN IMPLANT PERGIGIAN BAGI VETERAN ATM

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan Ketua Pengarah ini bertujuan untuk melaksanakan ketetapan serta garis panduan permohonan dan kelayakan implant pergigian bagi Veteran ATM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan implant pergigian bagi Veteran ATM.
- 2.2 Sehubungan itu, sebagai salah satu usaha berterusan JHEV ATM dalam menambahbaik kebajikan dan penyampaian perkhidmatan perubatan kepada Veteran ATM yang berkelayakan, JHEV ATM bersetuju untuk membuat mengemukakan permohonan Veteran ATM dan mendapatkan sokongan implant pergigian oleh cawangan pergigian BPK terlebih dahulu.

3. KETETAPAN DENTAL IMPLAN

- 3.1 Sokongan implant pergigian bagi Veteran ATM adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
- a. Seseorang pesakit hanya boleh menerima tidak lebih **daripada dua (2) implant tajaan setahun** dan **tidak lebih daripada empat (4) implant tajaan seumur hidup**, tidak kira jenis rekabentuk prostetik;
 - b. **Komponen pakai habis implant pergigian tidak disokong untuk ditaja.**
 - c. ***Superstructure (crown atau bridge)* adalah tidak disokong untuk taja kerana makmal pergigian Perkhidmatan Kesihatan AT (PKAT) mampu menghasilkannya.**

- d. Manakala, **had siling bagi setiap implant** tidak ditetapkan kerana bergantung kepada kesesuaian pesakit itu sendiri.
- e. Bagi permohonan yang telah disokong oleh Cawangan Pergigian BPK seterusnya akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Kebajikan dan Kemudahan Perubatan (JKKP) seperti yang sedang dilaksanakan ketika ini.
- f. Walaubagaimanapun, bagi tuntutan **pay & claim adalah tidak dibenarkan dan tidak akan diluluskan oleh JHEV ATM** kerana tidak termasuk dalam kategori mengancam nyawa pesakit.
- g. Selain itu, kemudahan ini **tidak dipanjangkan kepada tanggungan/ keluarga Veteran ATM** oleh kerana perkara ini dilaksanakan atas dasar kebajikan dalam menghargai jasa serta pengorbanan yang telah diberikan oleh Veteran ATM suatu ketika dahulu.

4. TANGGUNGJAWAB JHEV ATM CAWANGAN NEGERI / BAHAGIAN / UNIT

- 4.1 Permohonan implant pergigian bagi Veteran ATM hendaklah diproses dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan dari tarikh penerimaan dokumen lengkap.
- 4.2 Memastikan dokumen adalah lengkap dan teratur sebelum dimajukan kepada Cawangan Pergigian BPK untuk ulasan selanjutnya.
- 4.3 Unit perubatan perlu memproses permohonan dengan segera selepas mendapat ulasan dan sokongan daripada Cawangan Pergigian BPK.

5. PENUTUP

5.1 AKP 1/2025 hendaklah dibaca bersama dengan semua Arahan Perbendaharaan yang berkaitan, Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia, garis panduan, tatacara dan prosedur kewangan serta arahan dalaman Kementerian Pertahanan yang sedang berkuatkuasa atau sebarang pindaan dari semasa ke semasa.

6. TARIKH KUAT KUASA

6.1 Arahan ini mula berkuat kuasa mulai 6 April 2023.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Saya yang menjalankan amanah,



MEJ JEN DATO' HAJI SEMAON BIN HAJI MARJUKI
Ketua Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Veteran
Kementerian Pertahanan Malaysia

Tarikh : 4 Februari 2025



**JABATAN HAL EHWAL VETERAN
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**PERMOHONAN DAN KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN
PERJALANAN RAWATAN BAGI VETERAN ATM**

**ARAHAN KETUA PENGARAH JHEV BILANGAN 2 TAHUN 2025
(AKP 2/2025)**

KANDUNGAN

(AKP 2/2025) PERMOHONAN DAN KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN RAWATAN BAGI VETERAN ATM

BIL.	PERKARA	M/S
1.	Tujuan	1
2.	Latar Belakang	1
3.	Kelayakan Tuntutan Elaun Perjalanan Rawatan Bagi Veteran ATM	1-2
4.	Tanggungjawab Jhev ATM Cawangan Negeri / Bahagian / Unit	2
5.	Penutup	3
6.	Tarikh Kuat Kuasa	3

**ARAHAN KETUA PENGARAH JHEV ATM
BILANGAN 2 TAHUN 2025 (AKP 2/2025)**

**PERMOHONAN DAN KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN RAWATAN
BAGI VETERAN ATM**

1. TUJUAN

- 1.1 Arahan Ketua Pengarah ini bertujuan untuk mengeluarkan suatu ketetapan arahan pelaksanaan bagi permohonan dan kelayakan tuntutan elaun perjalanan rawatan bagi Veteran ATM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan tuntutan elaun perjalanan rawatan bagi Veteran ATM.
- 2.2 Justeru itu, JHEV ATM sentiasa berusaha untuk menjaga dan mengambil tanggungjawab dalam memastikan kebajikan Veteran ATM sentiasa terbela. Antara insentif yang dilaksanakan adalah dengan menambahbaik proses pelaksanaan permohonan secara dalaman untuk memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat disampaikan kepada Veteran ATM terutama dari segi aspek kebajikan amnya.

3. KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN RAWATAN BAGI VETERAN ATM

- 3.1 Syarat bagi Veteran ATM untuk membuat Tuntutan Elaun Perjalanan Rawatan adalah seperti berikut:
- a. Hanya **permohonan bagi tahunan semasa** dibenarkan.
 - b. Permohonan dihantar **selepas 3 bulan dari tarikh rawatan tidak akan dipertimbangkan**. Tuntutan bagi tahun sebelumnya juga tidak akan dipertimbangkan.
 - c. Permohonan perlu dihantar sebelum **15hb bulan berikutnya**.
 - d. Satu borang permohonan untuk satu bulan tuntutan **(buku temujanji beserta memo daripada doktor disertakan bersama)**.

- e. Tuntutan elaun perjalanan mesti **melebihi 25 km** sehala ke tempat rawatan.
 - f. Tuntutan Perjalanan Rawatan bagi **Rawatan Hemodialisis, Pengambilan Darah (*Blood Test*), Pengambilan Ubat** tidak dibenarkan.
 - g. Tuntutan Perjalanan Rawatan hanya untuk **rawatan perubatan veteran/ isteri/ anak umur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 26 tahun; atau anak kurang upaya sejak lahir disebabkan oleh kelemahan mental atau fizikal (tiada had umur).**
 - h. Rawatan hanya di hospital kerajaan sahaja dibenarkan.
 - i. **Tuntutan bayaran balik bagi ambulan** adalah **tidak dibenarkan** sama sekali.
- 3.2 Senarai semak dokumen sokongan yang diperlukan bagi tuntutan elaun perjalanan seperti di **Lampiran A**.
- 3.3 Kadar kelayakan tuntutan adalah seperti di **Lampiran B**, namun begitu tertakluk dengan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan, Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan serta Arahan Dalaman JHEV ATM yang sedang berkuatkuasa atau sebarang pindaan dari masa ke masa.

4. TANGGUNGJAWAB JHEV ATM CAWANGAN NEGERI / BAHAGIAN / UNIT

- 4.1 Permohonan tuntutan elaun perjalanan rawatan bagi Veteran ATM hendaklah diproses dalam tempoh **tidak melebihi 3 bulan** dari tarikh **penerimaan dokumen lengkap**.
- 4.2 JHEV Negeri/Unit Perubatan perlu memastikan dokumen adalah lengkap dan teratur sebelum dimajukan untuk bagi proses seterusnya.
- 4.3 Unit perubatan perlu mengeluarkan **surat teguran kepada Veteran ATM** bagi **permohonan yang tidak lengkap dan tidak menepati piawaian** dokumen tuntutan elaun perjalanan rawatan.

5. PENUTUP

5.1 AKP 2/2025 hendaklah dibaca bersama dengan semua Arahan Perbendaharaan yang berkaitan, Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia, garis panduan, tatacara dan prosedur kewangan serta arahan dalaman Kementerian Pertahanan yang sedang berkuatkuasa atau sebarang pindaan dari semasa ke semasa.

6. TARIKH KUAT KUASA

6.1 Arahan ini mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Saya yang menjalankan amanah,



MEJ JEN DATO' HAJI SEMMON BIN HAJI MARJUKI
Ketua Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Veteran
Kementerian Pertahanan Malaysia

Tarikh : 4 Februari 2025

SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN BAGI TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN

1. Hanya **permohonan bagi tahunan semasa** dibenarkan.
2. Permohonan dihantar **selepas 3 bulan dari tarikh rawatan tidak akan dipertimbangkan**. Tuntutan bagi tahun sebelumnya juga tidak akan dipertimbangkan.
3. Permohonan perlu dihantar sebelum **15hb bulan berikutnya**.
4. Satu borang permohonan untuk satu bulan tuntutan
5. Tuntutan elaun perjalanan mesti **melebihi 25 km sehala** ke tempat rawatan.
6. Tuntutan Perjalanan Rawatan bagi **Rawatan Hemodialisis, Pengambilan Darah (Blood Test), Pengambilan Ubat tidak dibenarkan**.
7. Tuntutan Perjalanan Rawatan hanya untuk **rawatan perubatan veteran/ isteri/ anak umur di bawah 18 tahun; atau sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 26 tahun; atau anak kurang upaya sejak lahir disebabkan oleh kelemahan mental atau fizikal (tiada had umur)**.
8. Rawatan hanya di hospital kerajaan sahaja dibenarkan.
9. **Tuntutan bayaran balik bagi ambulan adalah tidak dibenarkan sama sekali**.

Dokumen yang diperlukan :

☑ / ☒

- | | |
|--|--------------------------|
| a) Salinan Kad Pengenalan Veteran/ Salinan Kad Pengenalan Pesakit | <input type="checkbox"/> |
| b) Salinan Kad Veteran dan Salinan Buku Rekod Perkhidmatan
(Bagi Veteran Tidak Berpencen adalah WAJIB) | <input type="checkbox"/> |
| c) Buku Temujanji Beserta Memo Daripada Doktor Disertakan Bersama.
(WAJIB) | <input type="checkbox"/> |
| d) Surat Mengiringi Pesakit
(Sekiranya pesakit adalah isteri @ anak yang mendapatkan rawatan) dan ditandatangani oleh Hospital tempat rawatan sahaja. | <input type="checkbox"/> |
| e) Resit Penginapan Hotel (Jika Berkenaan) atau Lojing perlu berikan alamat penuh | <input type="checkbox"/> |
| f) Resit ASAL DIGITAL/CETAKAN SAHAJA - Bas/ Teksi/ Pengangkutan Awam yang lain (Jika Berkenaan)
(Resit ditampal pada kertas saiz A4 (WAJIB) | <input type="checkbox"/> |
| g) Penyata Touch N Go
(Surat sokongan diperlukan sekiranya bukan nama veteran) | <input type="checkbox"/> |
| h) Salinan Akaun Bank atau Penyata Bank
(Bagi Veteran Tidak Berpencen) | <input type="checkbox"/> |
| i) Salinan Geran Kereta
(Sekiranya kenderaan bukan atas nama veteran, perlu kepilkan surat " Kebenaran menggunakan kenderaan") (telah dilampirkan) | <input type="checkbox"/> |
| j) Tiket Kapal Terbang (Jika Berkenaan) | <input type="checkbox"/> |

Sebarang kemusykilan sila hubungi :

Pn Nor Hafiza bt Salleh 03-20508075/ 019-3594635 (Whatapp Sahaja)

**BORANG PERMOHONAN DIHANTAR SENDIRI KE KAUNTER SETEMPAT JHEV ATM KUALA LUMPUR ATAU POSKAN KE :
JHEV ATM**

Unit Perubatan, Tingkat 8

Menara TH Perdana

Jalan Sultan Ismail

50250 KUALA LUMPUR

****TUAN/PUAN DIINGATKAN UTUK MEMATUHI SEGALA ARAHAN DAN PERATURAN YANG TELAH DITENTUKAN. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN AKAN MEMYEBAKAN KESUKARAN PEMBAYARAN DILAKUKAN DAN PERMOHONAN AKAN KEMBALIKAN**

LAMPIRAN C

BORANG TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN DALAM NEGERI WP1.4

BAGI BULAN.....

MAKLUMAT PEGAWAI		
Nama (Huruf Besar) :		
No. Kad Pengenalan :		
Jawatan :		
Gred :		
No. Akaun Bank :		
Nama / Alamat Bank :		
No. Telefon (Pejabat/Bimbit) :		
Pendapatan (RM)	Gaji (RM) :	
	Elaun-elaun (RM) :	
	Jumlah (RM) :	
Kenderaan	Kereta	Motosikal
	Jenis/ Model:	Jenis/ Model
	No. Pendaftaran:	No. Pendaftaran:
Alamat Pejabat		
Alamat Rumah Pegawai		
Alamat Rumah Pemandu/ Jururing/ Rapat/ Pengawal Peribadi*		
Alamat Rumah Majikan (Anggota Pentadbiran/Pegawai Pengurusan Tertinggi Gred JUSA B dan ke atas)*		

* Sila tambah ruangan jika tidak mencukupi.

*Ruangan ini diisi oleh pegawai yang layak membuat tuntutan perjalanan di bawah PP WP1.6.

BAHAGIAN A							
ELAUN PERJALANAN KENDERAAN							
Jenis Kenderaan	Kiraan Kilometer	Jarak (KM)	Kadar Sekilometer	Jumlah (RM)			
Kereta	500 km pertama		RM sen/km				
	501 km dan seterusnya		RM sen/km				
Motosikal	500 km pertama		RM sen/km				
	501 km dan seterusnya		RM sen/km				
Jumlah							
TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM							
Teksi/Kereta Sewa [Resit							RM
Bas [Resit							RM
Kereta Api [Resit							RM
Feri [Resit							RM
Lain-Lain [Resit.....							RM
Jumlah							RM
TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ ELAUN HARIAN (SEMENANJUNG MALAYSIA)				TUNTUTAN ELAUN MAKAN/ ELAUN HARIAN (SABAH/ SARAWAK/ LABUAN)			
ELAUN MAKAN				ELAUN MAKAN			
Bahagian Makan	Bil. Dituntut	Bil. Hari	RM	Bahagian Makan	Bil. Dituntut	Bil. Hari	RM
• Sarapan Pagi				• Sarapan Pagi			
• Makan Tengah Hari				• Makan Tengah Hari			
• Makan Malam				• Makan Malam			
Jumlah				Jumlah			
Elaun Makan xsebanyak RM...../hari				Elaun Makan xsebanyak RM...../hari			
Jumlah (RM)				Jumlah (RM)			
ELAUN HARIAN				ELAUN HARIAN			
Elaun Harian xsebanyak RM...../hari				Elaun Harian xsebanyak RM...../hari			
Jumlah (RM)				Jumlah (RM)			
Jumlah (RM)				Jumlah (RM)			
JUMLAH (BAHAGIAN A)							RM

* Sila tambah ruangan jika tidak mencukupi.

BAHAGIAN C	
BELANJA PELBAGAI	
Telefon, Telegram , Faks [Resit	RM
Pos [Resit	RM
Dobi [Resit	RM
Cukai Lapangan Terbang [Resit.....	RM
Lebhan Bagasi [Resit.....	RM
Tempat Lepak Kereta [Resit/Penyata <i>Touch&Go</i> /Lain-lain.....	RM
Tol [Resit/Penyata <i>Touch&Go</i> /RFID/Lain-lain:	RM
JUMLAH (BAHAGIAN C)	RM
JUMLAH KESELURUHAN TUNTUTAN (BAHAGIAN A+B+C)	RM

* Sila tambah ruangan jika tidak mencukupi.

PENGAKUAN	
<p>Saya mengaku bahawa:</p> <p>(a) perjalanan pada tarikh-tarikh tersebut adalah benar dan telah dibuat atas urusan rasmi;</p> <p>(b) tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan bertugas rasmi yang berkuat kuasa dan/atau peraturan berkursus yang berkuat kuasa;</p> <p>(c) perbelanjaan yang tidak disokong dengan resit berjumlah sebanyak RM telah sebenarnya dilakukan dan dibayar oleh saya;</p> <p>(d) semua butiran yang dinyatakan di atas adalah tepat dan benar dan saya bertanggungjawab terhadap semua maklumat yang dinyatakan;</p> <p>(e) sekiranya saya mengemukakan tuntutan palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] (Kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prinsipal oleh ejen); dan</p> <p>(f) saya bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen sokongan asal (fizikal) dalam tempoh tujuh (7) tahun bagi tujuan pembuktian dan rujukan pihak berkepentingan.</p>	
Tarikh: (Tandatangan Pemohon)

(Nama dan alamat Pemilik Kenderaan)

Kepada:

Pihak Yang Berkenaan

Tarikh:

Tuan/ Puan,

KEBENARAN MENGGUNAKAN KENDERAAN UNTUK URUSAN RASMI

Merujuk perkara seperti di atas, saya seperti nama bernombor kad pengenalan (_____) adalah pemilik kenderaan bernombor (_____). Dengan sukacitanya, saya membenarkan veteran yang berkenaan menggunakan kenderaan saya atas urusan rasmi.

2. Butir-butir veteran dan kenderaan adalah seperti berikut:

Nama :
No. Tentera :
No. Pendaftaran :
Model :
Hubungan : suami/ isteri/ anak
* (potong yang tidak berkenaan)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Nama dan No. Kad Pengenalan)

(_____)

KADAR KELAYAKAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN VETERAN ATM

a. Semenanjung Malaysia

Pangkat Terakhir	Elaun Makan (RM)	Elaun Harian (RM)	Elaun Lojing (RM)	Hotel (RM)
JUSA A	115.00	57.50	100.00	Standard suite
JUSA B&C	100.00	50.00	100.00	Bilik superior
53-54	85.00	42.50	100.00	Bilik biasa
45-52	60.00	30.00	60.00	240.00
41-44	45.00	22.50	60.00	220.00
27-40	40.00	20.00	50.00	200.00
17-26	40.00	20.00	50.00	180.00
16 ke bawah	35.00	17.50	50.00	160.00

b. Sabah, Sarawak Dan WP Labuan

Pangkat Terakhir	Elaun Makan (RM)	Elaun Harian (RM)	Elaun Lojing (RM)	Hotel (RM)
JUSA A	165.00	82.50	110.00	Standard suite
JUSA B&C	130.00	65.00	110.00	Bilik superior
53-54	115.00	57.50	110.00	Bilik biasa
45-52	80.00	40.00	70.00	270.00
41-44	65.00	32.50	70.00	250.00
27-40	55.00	27.50	60.00	230.00
17-26	55.00	27.50	60.00	210.00
16 ke bawah	50.00	25.00	60.00	190.00

c. Jenis Kenderaan

Jenis kenderaan	Kiraan kilometer	Kadar kilometer (RM)
Kereta	500km pertama	0.85
	501km seterusnya	0.75
Motorsikal	500km pertama	0.55
	501km seterusnya	0.45
Kenderaan awam	Mengikut harga resit yang dicetak	

d. Kelayakan Elaun Perjalanan

Jenis Elaun	Keterangan
Elaun Makan	<ul style="list-style-type: none"> Layak jika melebihi Tempoh 24 Jam Rawatan Waktu Bermula Dari Bertolak Rumah Ke Tempat Peningapan
Elaun Harian	<ul style="list-style-type: none"> Layak jika Rawatan Dari Tempoh 8 Jam Kurang 24 Jam Kadar Merupakan $\frac{1}{2}$ Elaun Makan
Elaun Peningring	<ul style="list-style-type: none"> 1x Peningring Saja Dibenarkan Diperakukan Oleh Pegawai Perubatan Semasa Mendapatkan Rawatan
Hotel	Bergantung Kepada Kadar Kelayakan Pangkat Terakhir
Lojing	Kadar Merupakan $\frac{1}{2}$ Tuntutan Perjalanan